

## **PEMBELAJARAN PENULISAN DALAM TALIAN DENGAN BIMBINGAN MENTOR RAKAN SEBAYA**

Mohd Yusof bin Mustaffa Kamal  
Chin Hai Leng  
Alina Ranees  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya

### **ABSTRACT**

This research focusses on the role played by peers for improving writing in Bahasa Melayu through the mentor and mentee programme. It is used in E-Learning Portal as a method for discussion. 10 mentors were selected to manage by 24 mentees for improving their skill of writing. The data were collected through observations, interviews, documents, chat box discussions, wiki, forums and students' writing. This qualitative research gathered and appraised data based on the Ardil Model (2007). The techniques were used to analyse the data with expurgate, triangulation and data classification. The results show that writing through online can improve students' essay writing and teachers could apply this method to encourage the students' interest in writing. Hopefully, this research can contribute to school to enhance interest and quality especially in Bahasa Melayu writing skills among students.

Dalam kajian ini, proses penulisan karangan berlaku secara dalam talian menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com untuk berkolaboratif dalam kalangan pelajar. Usaha ini untuk membantu pelajar memperbaiki kualiti penulisan karangan dan seterusnya meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini juga membincangkan tentang penulisan secara individu. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan dan menerangkan dengan terperinci proses dan langkah yang boleh diikuti oleh seseorang individu untuk memperbaiki penulisan. Proses ini mempersempit penulisan dengan idea yang luas untuk mencapai matlamat, membuktikan sesuatu isu dan lebih berstruktur (Sharples, 1993). Kajian Galegher dan Kraut (1994) melihat proses secara kolaboratif sebagai perundingan di mana rakan sebaya akan berbincang secara berkumpulan untuk mencapai persetujuan dan langkah penyelesaian yang sesuai untuk sesuatu tajuk atau isu yang timbul.

Penggunaan Portal e-Learning.smkpap.com boleh dijadikan sebagai ruang untuk pelajar-pelajar berkolaborasi dan menghasilkan penulisan karangan yang baik. Menurut Goldberg, Russell, dan Cook (2003) penulisan secara kolaboratif menggunakan komputer adalah lebih integratif dan sesuai. Ahli kumpulan akan menulis idea pertama mereka dan membuat draf lebih berpotensi dan bertindak dengan cepat serta bertolak ansur dalam memberikan pendapat. Kesimpulannya, ahli kumpulan dapat mengukuhkan pendapat dan membuat rumusan lebih cepat berbanding dengan kumpulan yang berbincang cara konvensional menggunakan pen dan kertas untuk menulis.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk memenuhi dua tujuan: pertama, mewujudkan komuniti pelajar yang aktif berkolaboratif dalam penulisan karangan secara dalam talian dan kedua, untuk memberi latihan kepada mentor rakan sebaya dalam mewujudkan komuniti pelajar yang aktif berkolaborasi dan menulis karangan.

Pembelajaran penulisan secara dalam talian dengan bimbingan mentor rakan sebaya, dan menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com bertujuan untuk mewujudkan budaya pembelajaran secara kolaborasi atau *learning community* dalam kalangan pelajar dan guru-guru di sekolah kajian. Melalui penggunaan chat room, wiki, forum dan email, adalah diharapkan pelajar-pelajar lebih bermotivasi untuk belajar khususnya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Portal e-Learning.smkpap.com dibangunkan untuk meningkatkan pembelajaran dan mewujudkan ruang komunikasi antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru-guru berkaitan dengan pembelajaran di sekolah.

Selain itu, Portal e-Learning.smkpap.com juga berfungsi sebagai sumber rujukan guru dan murid-murid terutama yang berkaitan pelajaran dan aktiviti semasa yang dijalankan di sekolah. Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat merancang pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan oleh pelajar-pelajar semasa menggunakan e-Learning untuk meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam Bahasa Melayu khususnya penulisan.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan berdasarkan objektif berikut:

1. Mengenal pasti strategi yang boleh membantu mentor rakan sebaya dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti bagaimana pelajar memainkan peranan sebagai mentor rakan sebaya

## **Soalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah strategi yang boleh membantu mentor rakan sebaya dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah pelajar memainkan peranan sebagai mentor rakan sebaya?

## **Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian ini penting kerana dapat menyumbang maklumat yang berguna kepada guru-guru dalam mata pelajaran yang lain. Kejayaan mentor rakan sebaya dalam meningkatkan kualiti penulisan karangan Bahasa Melayu secara dalam talian akan membuka dimensi baru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kaedah pengajaran secara konvensional boleh diubah mengikut peredaran teknologi contohnya menggunakan kemudahan Portal e-Learning smkpap.com.

Adalah diharapkan dapatan dari kajian ini dapat menggalakkan lebih ramai guru menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Dapatan daripada kajian ini dapat membantu pelajar tentang kaedah belajar yang terkini, boleh belajar sendiri bersama rakan mentee atau bertanya kepada mentor bagi topik yang sukar. Pelajar menjadi mentor atau mentee yang berkesan serta meningkatkan kualiti penulisan karangan.

Kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran amnya, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) khususnya dalam memastikan latihan yang diberikan di Institut Perguruan khususnya dan Jabatan Pelajaran Negeri lebih bermakna.



### **Penulisan Karangan**

Karangan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, bermaksud gubahan (bunga, manik, permata) atau susunan, ciptaan (cerita, lagu dan lain-lain) atau karya yang terhasil daripada proses mengarang (Mashitah, 2005: 26). Menurut Mahzan Arshad (2003), mengarang ialah proses menyusun (bunga, manik, permata) hingga kelihatan menarik atau enak dipandang. Menurut beliau lagi, mengarang bahan deskriptif atau sensori pula merupakan proses mengarang kata-kata sehingga enak dibaca atau didengar.

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (1987) Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), dijelaskan bahawa pelajar perlu mahir menulis pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan seharian. Selain itu mereka juga perlu menghasilkan penulisan kreatif berbentuk keperihalanan, fakta, cereka, perbincangan dan imaginasi serta menggunakan pemikiran yang kritis dan analitis (Mashitah, 2005).

### **Pengajaran Kaedah Penulisan**

Menurut Mahzan Arshad (2008: 195-198), pengajaran penulisan boleh dijalankan dengan pelbagai kaedah dan guru merancang strategi yang bersesuaian untuk melaksanakannya. Terdapat empat kaedah penulisan, iaitu kaedah individu, kaedah berkongsi, kaedah bergabung dan kaedah campuran. Huraian tentang kaedah berkenaan adalah seperti berikut:

#### **Penulisan Individu**

Pelajar diberikan kebebasan untuk menulis secara persendirian berdasarkan perancangan individu tanpa campur tangan rakan sebaya atau guru. Walaupun menerusi kaedah penulisan secara individu, namun guru boleh membantu dari beberapa aspek teknik penulisan. Iaitu guru membimbing pelajar tersebut memilih tajuk yang sesuai, menunjukkan beberapa penulisan yang ada kaitan dengan tajuk yang dipilih, memberikan cadangan tentang bahan rujukan yang boleh digunakan untuk mencari maklumat, menunjukkan format yang bersesuaian dengan fokus penulisan dan sebagainya (Mahzan Arshad, 2008).

#### **Penulisan Berkongsi**

Melalui kaedah ini, sekumpulan dua atau lebih pelajar dapat bekerjasama untuk menghasilkan satu atau lebih bahan penulisan. Bagi membantu para pelajar menghasilkan bahan penulisan menggunakan kaedah ini, guru haruslah mempunyai pengetahuan yang baik tentang siapakah rakan kongsi pelajar yang akan menjalankan aktiviti tersebut. Pelajar juga perlu dikawal selia secara bijak agar semua tugas menghasilkan bahan penulisan dapat berjalan dengan lancar dan akhirnya menghasilkan satu penulisan bermutu (Mahzan Arshad, 2008).

#### **Penulisan Bergabung**

Kaedah penulisan bergabung memerlukan setiap anggota kumpulan atau individu dalam sebuah kelas menghasilkan sebahagian daripada bahan penulisan yang dirancangan bagi sesuatu tajuk tertentu. Mereka akan menentukan satu tajuk atau skop penulisan yang akan dilaksanakan dalam sesuatu sesi pengajaran penulisan. Mereka akan bersama-sama membina perenggan pengenalan, bermula dengan ayat pengenalan, penjelasan tentang tajuk atau memberikan definisi istilah yang dianggap perlu bagi topik karangan yang dirancang. Guru juga perlu memantau perkembangan penulisan dalam menghasilkan sebuah karangan yang bermutu (Mahzan Arshad, 2008).

### **Kaedah Penulisan Campuran**

Gabungan ketiga-tiga kaedah di atas boleh dilaksanakan tanpa sebarang ikatan atau format tertentu bagi mencapai tujuan tersebut dan berdasarkan keperluan dan situasi yang dihadapi dalam bilik darjah. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan kaedah individu pada awal penulisan, kemudian mengubah pada kaedah berkongsi pada pertengahan dan kaedah bergabung pada tahap akhir atau balik semula pada kaedah pertama sekiranya pelajar dapati mereka selesa untuk menyelesaikan penulisan karangan berlandaskan pengalaman peribadi sahaja (Mahzan Arshad, 2008).

### **Teori Pembelajaran yang Berkaitan dengan Pembelajaran Koperatif**

Menurut Mashitah (2005) pelajar yang biasa dengan suasana perbincangan akan menggunakannya dalam setiap keadaan dan suasana jika biasa digunakan. Selain itu, Vygotsky (1978) percaya bahawa dalam kehidupan manusia, proses pembelajaran ada hubungan rapat dengan interaksi sosial yang akan membantu perkembangan kognitif mereka. Fenomena ini disebut sebagai “*Zone of Proximal Development*” atau zon perkembangan terdekat (ZPT) yang dapat menerangkan bagaimana keupayaan kognitif kanak-kanak dapat ditingkatkan apabila adanya interaksi dengan orang lain.

Tugasan karangan yang diberikan oleh guru akan diselesaikan dengan bimbingan mentor dan dilakukan di luar waktu pembelajaran di sekolah. Dengan itu, pelajar (mentee) akan bersedia secara mental dan fizikal untuk menulis dan menyiapkan karangan secara dalam talian agar mereka tidak ketinggalan daripada rakan yang lain. Ahli Behaviorisme seperti Watson, Skinner, Pavlov dan Thorndike menekankan perubahan tingkah laku hasil daripada peneguhan dan ganjaran yang diberikan kepada kumpulan atau individu yang cemerlang. Seterusnya pemberian ganjaran ekstrinsik diperlukan untuk menggalakkan pelajar belajar bersama rakan-rakan secara dalam talian.

### **Teknologi dalam Penulisan Karangan**

Menurut Raja Maznah (2005: 8), bidang teknologi instruksional memerlukan perubahan daripada segi pemikiran tentang amalan, teori, kajian dan pembangunan. Menurut beliau lagi, perubahan budaya akan melibatkan kita memikirkan kembali konsep hubungan kita dengan klien (pelajar) iaitu cabaran bagi merangka penyelidikan yang mengambil kira konteks klien. Justeru sebagai pendidik, wajarlah diaplikasikan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya bidang penulisan.

Pandangan Mahzan Arshad (2008: 119), menyatakan bahawa teknologi dalam pendidikan ialah sebagai satu alat dan kaedah saintifik dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan teknologi yang dapat membuka jalan kepada pelajar untuk menguasai matlamat pembelajaran yang dirancang oleh sesuatu kurikulum atau mata pelajaran.

Menurut Vygotsky (1978), pembelajaran bermula dengan aktiviti yang bersifat sosial sebelum menjadi aktiviti yang bersifat individu. Samalah seperti aktiviti penulisan karangan, sebelum pelajar mula menulis, mereka perlu berinteraksi dengan rakan-rakan dan guru. Apabila menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com, pelajar dibiarkan menggunakan *chat room* untuk berinteraksi dengan rakan-rakan bagi mendapatkan idea tentang penulisan karangan. Dalam penulisan misalnya, pelajar gemar berinteraksi dengan aktif dengan membuat perbandingan antara teks yang ditulisnya dengan teks yang ditulis oleh rakan yang lain. Hasil penulisan secara individu ini apabila diperbaiki

dengan komen yang membina oleh rakan yang lebih pandai, akan menghasilkan penulisan yang mantap (Khadzajah, 2005).

Menurut Passig dan Schwartz (2007), hampir sedekad lalu para pengkaji mengenal pasti pelbagai aspek penulisan kolaboratif dengan tujuan untuk membangunkan alatan berkomputer bagi menyokong penulisan secara kolaboratif. Mereka mendapati penulisan menggunakan komputer secara kolaboratif lebih berkesan. Kajian mereka juga menunjukkan penulisan kolaboratif berkomputer lebih integrasi dan sesuai. Dapatan kajian menunjukkan apabila ahli kumpulan ini menulis draf pertama idea mereka, ia lebih cepat berbanding dengan kumpulan pelajar yang menulis secara konvensional.

Kajian Murali (2006) tentang penggunaan *Wiki* sebagai alat untuk berkolaboratif secara dalam talian oleh organisasi atau individu menunjukkan terdapat ruang yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar untuk berbincang secara dalam talian. Melalui *Wiki* pelajar boleh membuat suntingan terhadap teks tanpa memerlukan pengetahuan tinggi atau kemahiran dalam suntingan dan penerbitan di laman sesawang (Kille, 2006 dalam Murali, 2006). Menurut Davenport dan Prusak (1998: 61, dalam Murali, 2006) terdapat tiga sebab perlunya melaksanakan sistem pengurusan pengetahuan melalui *wiki*:

1. untuk menambahkan pengetahuan dalam kalangan organisasi melalui penggunaan peta minda dan hiper rangkaian.
2. untuk membina budaya perkongsian ilmu pengetahuan
3. untuk melengkapkan pengetahuan, bukan hanya dalam bidang teknologi tetapi mencipta suasana yang membenarkan kolaboratif .

Penulisan karangan boleh dilakukan dalam *Wiki* oleh pelajar kerana setiap halaman mempunyai format yang selaras iaitu dari segi *bold*, *underline* dan *bullets* di bawah satu bar navigasi. Oleh itu, rakan pelajar yang lain boleh membuat suntingan dan berkongsi idea sesama pelajar bagaimana menghasilkan penulisan yang baik. Sebagaimana dinyatakan oleh Vrasidas (2000) dalam Ashcraft, Treadwell dan Kumar (2008) pelajar perlu disediakan dengan alatan, sumber dan sokongan yang diperlukan untuk memudahkan pembelajaran mereka dan menjalankan tugas. Tujuan mengadakan penulisan secara kolaboratif dalam talian ialah untuk memberi kesedaran kepada pelajar bahawa melalui penulisan secara dalam talian, hasil karangan mereka mempunyai 'keaslian' berbanding dengan penulisan di kelas biasa (Cavallaro & Tan, 2006).

Pelajar yang menjalani penulisan kolaboratif secara dalam talian menunjukkan keputusan yang baik dari segi sikap dan kualiti penulisan. Kajian Lindblom-Ylänne dan Pihlajamäki (2003) dalam Cavallaro dan Tan (2006) menunjukkan pelajar berkongsi draf karangan mereka secara dalam talian iaitu di antara rakan sebaya dan guru untuk diberikan komen. Mereka juga menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran secara dalam talian boleh mengurangkan jurang fizikal dan mengubah proses penulisan karangan daripada berpusatkan individu kepada dikongsi melalui sokongan sosial dengan rakan-rakan. Dalam merumuskan tugas pembacaan dan penulisan secara dalam talian, Warschauer (2001) dalam Cavallaro dan Tan (2006) menyatakan bahawa hasil penulisan menjadi lebih kolaboratif, lebih bermakna dan lebih fokus dalam pembacaan.

### **Pembelajaran Penulisan Dalam Talian**

Pembelajaran penulisan secara dalam talian bermaksud aktiviti menulis karangan yang dijalankan menggunakan komputer dan pelajar akan menghantar *email* kepada guru untuk semakan. Seterusnya guru akan membalas *email* pelajar beserta semakan yang telah dibuat. Passing dan Schwartz (2007) berpendapat

email masih sesuai digunakan sebagai ruang untuk berkolaboratif dalam talian, khususnya dalam penulisan karangan. Namun begitu, apabila lebih daripada tiga orang pelajar yang menyertai perbincangan membuat suntingan teks dan ayat, proses penulisan secara koperatif tidak lagi berkesan kerana sukar mengikuti perubahan yang telah dibuat Passig dan Schwartz (2007: 398).

Menurut Jamaludin dan Hashimah (2005), pelajar akan lebih bersedia untuk menulis dan mengolah isi dengan lebih tersusun dan lebih matang, lengkap dengan huraian dan contoh-contoh yang sesuai apabila menggunakan Internet sebagai rujukan semasa menulis karangan. Seterusnya, Passig dan Schwartz (2007: 398), telah membuat kajian tentang perbandingan di antara penulisan secara kolaboratif dalam talian dengan penulisan secara dalam kelas konvensional. Dapatan kajian ini melaporkan bahawa penggunaan Internet dengan bantuan mentor rakan sebaya dalam pembelajaran penulisan terdapat banyak faedah. Antara faedahnya adalah peningkatan dalam motivasi, hasil penulisan akademik pelajar serta meningkatkan penguasaan tatabahasa. Selain itu, mentor dapat meningkatkan kemahiran menyunting karangan dan pelajar (mentee) dapat menulis mengikut kehendak soalan.

Mahzan Arshad (2007: 84), menyatakan bahawa tugas guru ialah bagi menentukan bahawa pelajar yang lahir daripada sistem pendidikan negara mampu menguasai kemahiran menulis Bahasa Melayu di peringkat yang dapat menghasilkan bahan-bahan penerbitan bercorak saintifik seperti manual dalam bidang ilmu komputer, robotik, kenderaan bermotor, jentera berat dan ringan, dan pelbagai peralatan yang moden untuk kegunaan perindustrian. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Blake (2000) tentang penggunaan Internet untuk mengajar menulis berita. Beliau meminta pelajar menyiapkan penulisan berita menggunakan perisian pemproses perkataan. Tugas yang sudah disiapkan akan dihantar oleh pelajar melalui *email* kepada beliau. Dapatan daripada kajian ini menyatakan bahawa pelajar lebih seronok dan senang belajar penulisan menggunakan Internet, kerana mereka dapat menghantar dan menerima semula tugas melalui laman sesawang.

Berdasarkan pembacaan pengkaji di dalam bahagian ini, terdapat beberapa perkara yang menjadi fokus dalam kajian yang akan dijalankan. Antaranya, pengkaji menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com sebagai ruang untuk menjalankan aktiviti penulisan secara dalam talian. Pengkaji juga telah membimbing mentor cara mengendalikan aktiviti pementoran penulisan karangan dalam talian menggunakan *wiki*, *chat room* dan *email* sebagai ruang untuk berhubung secara dalam talian.

### **Laman Portal Pembelajaran**

Menurut Chin (2009: 39), Laman Portal Pembelajaran meliputi bahan pengajaran, latihan, aktiviti, maklumat, berita dan lain-lain. Laman Portal Pembelajaran direka cipta untuk kegunaan guru-guru, murid-murid dan komuniti ataupun ibu bapa. Menurut beliau lagi, terdapat Laman Portal Pembelajaran yang dimajukan oleh pihak swasta, kerajaan mahupun pihak sekolah. Contoh Laman Portal Pendidikan adalah seperti berikut: a) Portal Pendidikan Utusan ([www.tutor.com.my](http://www.tutor.com.my)); b) Cikgu Net ([www.cikgu.net.my](http://www.cikgu.net.my)); c) Portal Pendidikan Berita Harian ([www.websekolah.bharian.com](http://www.websekolah.bharian.com)) dan d) Schooltoyou ([www.schooltoyou.com](http://www.schooltoyou.com)).

Laman Portal e-Learning.smkpap.com yang dibangunkan boleh digunakan oleh pelajar-pelajar Tingkatan Dua dan warga sekolah umumnya, sebagai sumber

bahan rujukan serta ruang untuk berkolaborasi khususnya penulisan karangan. Laman Portal e-Learning juga dapat digunakan oleh pelajar-pelajar untuk meningkatkan kemahiran dalam penulisan melalui perbincangan dengan mentor rakan sebaya, rakan-rakan mentee atau dengan guru-guru.

Di Laman Portal e-Learning.smkpap.com, bahan-bahan pembelajaran dan aktiviti yang dijalankan oleh pelajar Tingkatan Dua adalah seperti berikut :

1. *Chat room*, iaitu perbincangan pelajar secara serentak dalam talian tentang tajuk penulisan karangan, pemahaman dan tatabahasa.
2. *Wiki*, iaitu penulisan karangan secara berkumpulan. Pelajar akan berbincang bersama mentor dan mentee dalam kumpulannya dan menulis dalam ruang wiki hingga selesai penulisan karangan berkenaan.
3. Forum, iaitu perbincangan pelajar tentang penulisan karangan yang telah dihasilkan oleh rakan sebaya yang lain. Pelajar akan memberi komen dari aspek ejaan, kesesuaian isi dan kesinambungan perenggan.
4. Kuiz, pelajar juga boleh menjawab soalan kuiz yang disediakan berkaitan dengan tatabahasa dan komsas, berkaitan dengan tajuk yang telah dipelajari di dalam kelas.
5. Muat turun bahan, pelajar juga boleh memuat turun bahan yang telah dimuat naik oleh guru melalui *link* pada Portal e-Learning.smkpap.com.

### **Mentor Rakan Sebaya Dalam Talian**

Mentor bukanlah jawatan yang penting di sesebuah sekolah ataupun di dalam kelas. Namun begitu, peranannya menjadi penting dalam memastikan proses pembelajaran dapat dipertingkatkan. Menurut Salhah dan Aion (2007), mentor perlu fleksibel dan bersedia menerima keputusan yang dibuat oleh mentee walau apapun keadaannya. Mentor tidak boleh menghukum ataupun mengarah kerana ini bertentangan dengan ciri-ciri mentor yang berkesan. Menurut mereka lagi, mentor perlu melihat pelbagai pilihan terbaik bagi memberi bimbingan bagi membuat keputusan yang terbaik. Langkah ini tidak meletakkan mentor sebagai individu yang bertanggungjawab di atas setiap keputusan yang dibuat oleh mentee (Salhah & Aion, 2007).

Seorang mentor berperanan membina perkembangan pelajaran mentee dalam kemahiran penulisan karangan. Menurut Nakagava (1999: 12), sebagai mentor antara tanggungjawabnya ialah:

1. Bersikap positif dan menjaga hubungan yang baik dengan mentee. Iaitu mengelakkan tindakan yang tidak menggambarkan dirinya seorang yang tidak profesional. Mentor perlu bertindak sebagai seorang pemimpin rakan sebaya.
2. Membantu mentee untuk memajukan tahap akademiknya dan kemahiran dalam hidup, memberikan bimbingan kerja rumah dan memberi nasihat cara menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru.
3. Membantu mentee mencari maklumat yang diperlukan untuk menyiapkan tugas. Contohnya, cara mencari maklumat dalam Internet dan menggunakan alatan yang ada dalam Portal e-Learning sekolah.
4. Mewujudkan interaksi yang baik dengan mentee sama ada dalam talian atau secara dalam kelas.

Interaksi yang baik akan menggalakkan mentee untuk berubah menjadi lebih baik dan mereka akan berusaha meningkatkan tahap penulisan karangan. Di negara barat, peranan rakan sebaya dalam pembelajaran terutamanya dari segi meningkatkan prestasi akademik telah lama diketahui. Peranan rakan sebaya dalam



pembelajaran diistilahkan sebagai *'peer teaching'*, *'partner learning'*, *'peer learning'*, *'peer support'* dan sebagainya (Khadzajah, 2005).

Institusi yang menjalankan pembelajaran secara dalam talian perlu memastikan latihan dikendalikan oleh jurulatih atau mentor yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menarik minat pelajar belajar secara dalam talian. Penyampaian yang menarik, komunikasi melalui penggunaan multimedia dan menyediakan suasana dalam talian yang interaktif akan menggalakkan penggunaan teknologi seterusnya membezakan dengan kelas secara konvensional (Kosak et al., 2004, dalam McKenzie, Cozkan, & Layton, 2005).

Menurut McKenzie et al., (2005) program membimbing rakan sebaya bermula dengan program menggunakan *email* di antara mentor dengan mentee yang mengandungi maklumat pembacaan dan tugas ringkas untuk dibincang dan dikongsi bersama. Tujuan aktiviti ini untuk melihat pengetahuan mentor dan mentee dalam penggunaan Internet dan bagaimana mereka berbincang untuk mendapatkan idea menulis karangan. Mentor juga boleh melihat apakah yang diperlukan oleh mentee untuk memudahkan pembelajaran secara dalam talian.

Selain itu, mentor akan memastikan mentee menyertai segala aktiviti yang dijalankan secara dalam talian sehingga pengetahuan dan kemahiran mentee bertambah. Keberkesanan pembelajaran dalam talian mengambil masa dan perlu latihan untuk menyesuaikan. Menurut McKenzie et al., (2005), seorang pelajar yang cemerlang dalam kelas biasa adalah sesuai dipilih sebagai mentor untuk pembelajaran secara dalam talian.

### Model Pembelajaran e-Kolaboratif



Rajah 2. E-collaborative learning circle

Sumber : Diadaptasi daripada Cemal Ardil. (2007). E-collaborative learning circle daripada <http://www.waset.org/journals/ijhss/v1/v1-4-31.pdf>

Berdasarkan model kitaran pembelajaran secara dalam talian oleh Ardil (2007) seperti tertera dalam Rajah 2, ianya hampir sama dengan kajian yang akan pengkaji jalankan iaitu hasil akhirnya ialah pengetahuan dan kemahiran tentang cara-cara menulis karangan dengan baik. Terdapat lima peringkat dalam model ini iaitu:

- 1- Persediaan untuk pembelajaran e-kolaboratif secara berkumpulan
- 2- Permulaan pembelajaran e-kolaboratif
- 3- Pembelajaran bersama secara e-kolaboratif
- 4- Perancangan hasil
- 5- Pengakhiran pembelajaran e-kolaboratif

Model e-kolaboratif ini dibimbing oleh guru yang bertindak sebagai fasilitator. Tugasnya membantu perbincangan kumpulan dan menjadikan ahli kumpulan lebih aktif dalam perbincangan dan penulisan karangan.

### **1- Persediaan untuk pembelajaran e-kolaboratif secara berkumpulan.**

Pada peringkat ini guru akan tetapkan bilangan ahli kumpulan yang akan diketuai oleh seorang mentor. Perbincangan menggunakan Portal E-learning.smkpap.com, *email, chat room, forum* dan *wiki*.

### **2- Permulaan pembelajaran e-kolaboratif**

Semasa perjumpaan pertama, setiap ahli akan berbincang dan tetapkan masa dan cara menyiapkan karangan masing-masing dengan bimbingan mentor.

### **3- Pembelajaran bersama secara e-kolaboratif**

Setiap ahli kumpulan akan berhubung melalui email dan menggunakan Portal E-learning untuk perbincangan menulis karangan.

### **4- Perancangan hasil**

Mentor perlu memastikan setiap mentee menyiapkan penulisan karangan berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan. Karangan yang ditulis akan dibaca oleh setiap ahli kumpulan untuk pembetulan.

### **5- Pengakhiran pembelajaran e-kolaboratif**

Perbincangan secara dalam talian akan ditamatkan setelah setiap ahli kumpulan berpuas hati dengan hasil penulisan karangan mereka.

## **Metodologi Kajian**

### **Reka Bentuk Kajian**

Portal <http://e-learning.smkpap.com> telah direka oleh pengkaji untuk mewujudkan ruang pembelajaran penulisan secara dalam talian oleh mentor dan mentee. Melalui portal ini juga warga sekolah boleh mewujudkan corak pembelajaran secara dalam talian. Segala bahan pengajaran dan nota dimuat naik ke dalam portal untuk kegunaan pelajar. Pelajar-pelajar digalakkan menggunakan kemudahan *chat room, forum, dan wiki* yang semuanya terdapat dalam Portal E-Learning. Pendaftaran di dalam portal akan disahkan keahlian oleh guru sebelum pelajar boleh menggunakan kemudahan yang disediakan. Pelajar juga digalakkan untuk saling berkongsi maklumat, idea dan pandangan tentang cara meningkatkan mutu penulisan karangan.

### **Kaedah Pemilihan Sampel**

Kelas yang dipilih untuk kajian ini ialah kelas Dua Bakti. Faktor utama pemilihan kelas ini ialah pengkaji merupakan guru Bahasa Melayu yang mengajar kelas ini dan kesanggupan pelajar-pelajar kelas ini menjadi peserta kajian. Seramai sepuluh orang pelajar telah dipilih menjadi mentor dan 24 orang pelajar menjadi mentee bagi kajian yang akan dijalankan. Pelajar yang menjadi mentor telah memberikan kerjasama yang baik dan mendengar arahan dan nasihat yang diberikan pengkaji cara-cara untuk menjadi mentor yang berkesan untuk membimbing mentee dalam penulisan karangan.

Kelas Dua Bakti mempunyai jumlah pelajar seramai 34 orang yang mempunyai pencapaian tinggi, sederhana, dan rendah berdasarkan pencapaian Bahasa Melayu dalam peperiksaan akhir tahun 2008, dan prestasi mengarang bagi ujian bulan Februari 2009.

Pelajar dalam kelas ini terdiri daripada 12 orang pelajar Melayu, 11 orang pelajar Cina dan sembilan orang pelajar India serta dua orang pelajar Orang Asli.

**Perbincangan Dalam Talian.** Hasil maklum balas pelajar dalam perbincangan secara dalam talian iaitu menggunakan *chat room, wiki* dan *e-mail*

menjadi dokumen penting untuk analisis data dalam kajian ini. Model e-kolaboratif oleh Ardil (2007) dirujuk untuk menggalakkan penyertaan pelajar dalam perbincangan dan penulisan karangan.

**Pengumpulan Data.** Kajian ini menggunakan data dari pemerhatian dan perbincangan secara dalam talian yang di jalankan di ruangan <http://e-learning.smkpap.com> sebagai alat untuk mengumpul data kualitatif seterusnya menjawab soalan kajian satu dan soalan kajian kedua.

e-Learning @smkpap.com You are not logged in. (Login)

e-Learning @smkpap.com  
Portal E-Learning SMK(P) Air Panas

Bersama Menuju Kecemerlangan ▶ Login to the site English (en)

Returning to this web site?	Is this your first time here?
Login here using your username and password (Cookies must be enabled in your browser) ?	Hi! For full access to courses you'll need to take a minute to create a new account for yourself on this web site. Each of the individual courses may also have a one-time "enrolment key", which you won't need until later. Here are the steps:
Username <input type="text" value="admin"/> Password <input type="password"/> <input type="button" value="Login"/>	

Rajah 3. Paparan muka hadapan portal e-Learning.smkpap.com

Temu bual turut dijalankan ke atas peserta kajian (mentee) dan seterusnya triangulasi data dijalankan dalam proses menguatkan bukti daripada individu yang berbeza (Creswell, 2008).

**Temu Bual.** Kaedah lain yang digunakan untuk memperoleh data ialah menemu bual peserta kajian iaitu enam orang mentee yang terlibat. Melalui temu bual juga, pengkaji dapat mencatat segala pandangan dan pengalaman peserta kajian secara langsung dalam alat perakam digital. Selepas dirakam, temu bual ini dapat didengar semula dan ditranskripsikan untuk dianalisis segala pandangan dan maklumat yang diberikan oleh peserta kajian.

**Pemerhatian.** Pemerhatian yang dijalankan dibahagikan kepada beberapa peringkat. Peringkat pertama pengkaji memerhatikan persekitaran sekolah seperti keadaan kelas, Pusat Teknologi Maklumat, kebolehcapaian Internet, kesediaan pelajar, dan sebagainya.

Peringkat kedua ialah pemerhatian dalam bilik darjah dan dalam Pusat Teknologi Maklumat. Pengkaji telah memaklumkan kepada pelajar-pelajar yang menjadi peserta kajian bahawa mereka akan diperhatikan sepanjang masa pengajaran Bahasa Melayu sehinggalah kajian selesai dijalankan. Segala aktiviti yang berlaku dalam bilik darjah yang melibatkan hubungan mentor dan mentee dicatatkan. Ini termasuklah aktiviti perbincangan kumpulan, bimbingan mentor secara dalam talian dan maklum balas mentee terhadap mentor. Tujuannya untuk melihat reaksi dan tindakan susulan yang dilakukan oleh mentee selepas menerima ulasan karangan yang dibuat oleh mentor. Hasil akhirnya ialah perubahan dan penambahbaikan yang dibuat terhadap penulisan karangan.

Semasa pemerhatian di dalam kelas dijalankan, pengkaji memerhati dari sudut yang sesuai bagi membolehkan segala catatan diambil tentang perlakuan mentor dan mentee serta aktiviti yang dijalankan. Bagi pemerhatian untuk aktiviti yang dijalankan dalam talian, kebanyakan pelajar melakukannya di rumah atau di pusat siber. Oleh itu, ia lebih mudah diperhatikan kerana pengkaji dapat melihat jumlah komen bagi setiap pelajar yang berdaftar dalam portal <http://e-learning.smkpap.com>

learning.smkpap.com. Melalui sistem administrator, guru dapat melihat dengan jelas segala aktiviti yang telah dijalankan berkaitan tugas penulisan karangan atau pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian. Hal ini kerana setiap aktiviti pelajar di dalam Portal e-Learning.smkpap.com dapat dilihat melalui sistem administrator.

Kebiasaannya pelajar menggunakan *chat room* untuk berbincang sesama mentor atau antara mentor dengan mentee tentang penulisan karangan Bahasa Melayu. Pengkaji juga menggalakkan pelajar menggunakan *chat room* dalam Laman Portal e-Learning.smkpap.com untuk berbincang tentang tugas yang diberikan oleh guru-guru kerana ia disediakan percuma untuk seluruh warga sekolah.

Selain itu pengkaji membuat pemerhatian terhadap perbincangan pelajar dalam *wiki* Portal e-Learning.smkpap.com. Perbincangan antara mentor dan mentee berkaitan dengan tajuk yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pelajar akan menaip idea mereka seperti pendahuluan, isi-isi karangan, dan bahagian penutup karangan serta membincangkan tentang tugas penulisan karangan. Komen yang dibuat oleh mentor terhadap karangan mentee juga tidak boleh dipadamkan oleh pelajar lain dalam kelas yang sama. Mereka hanya boleh membaca dan menambah komen yang sesuai. Hasil perbincangan pelajar dalam *wiki* ini kemudiannya akan dipindahkan oleh setiap ahli kumpulan ke dalam Microsoft Word dan pelajar perlu membuat semakan dengan mentor masing-masing sebelum di *emailkan* kepada guru untuk semakan akhir.

Melalui penggunaan *wiki*, guru dapat memastikan tidak ada pelajar yang hanya "menumpang" di gerabak dan membiarkan rakan yang lain menyiapkan penulisan karangan. Tugas guru sebagai fasilitator bertambah mudah kerana dapat melihat setiap penulisan oleh mentor dan mentee dalam *wiki*, Portal e-Learning.smkpap.com. sebagai administrator, guru boleh membuat suntingan (edit) terhadap penulisan yang dibuat oleh kumpulan mentor dan mentee.

### **Analisis Data Kajian**

Kajian ini menggunakan satu alat kajian untuk menganalisa data. Model e-kolaboratif oleh (Ardil, 2007) digunakan untuk membimbing pengkaji menjalankan sesi penulisan karangan secara dalam talian. Alat kajian yang sama juga digunakan oleh pengkaji untuk menganalisa data kajian bagi menjawab soalan kajian pertama. Jadual 1 menunjukkan secara ringkas penerangan setiap peringkat berkenaan.

Jadual 1

#### *Ringkasan Lima Peringkat Model e-kolaboratif*

---

##### Peringkat 1

Persediaan untuk pembelajaran e-kolaboratif secara berkumpulan	Menetapkan kumpulan mentor dan mentee untuk aktiviti penulisan karangan secara dalam talian serta memberi galakan kepada setiap pelajar melibatkan diri secara aktif.
--	---

---

##### Peringkat 2

Permulaan pembelajaran e-kolaboratif	Mentee dan mentor akan berbincang dan menetapkan masa dan cara menyiapkan karangan masing-masing. Perbincangan diadakan sebagai sesi perkenalan antara mentor dan mentee yang untuk memudahkan perhubungan.
--------------------------------------	---

---

---

### Peringkat 3

Pembelajaran bersama secara e-kolaboratif

Mentor dan mentee akan berhubung melalui *email*, *wiki*, *chat* dan *forum* serta menggunakan portal e-Learning.smkpap.com untuk perbincangan menulis karangan.

---

### Peringkat 4

Perancangan hasil

Memastikan setiap mentor dan mentee menyiapkan penulisan karangan berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan. Mentor memberi fokus terhadap ejaan, format dan isi karangan yang ditulis oleh mentee dan meminta mentee membuat pembetulan bagi kesalahan yang dilakukan.

---

### Peringkat 5

Pengakhiran pembelajaran e-kolaboratif

Perbincangan secara dalam talian akan ditamatkan setelah setiap ahli kumpulan berpuas hati dengan hasil penulisan karangan mereka.

---

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data, pengkaji telah meminta pandangan dari pihak kedua iaitu rakan sejawat untuk memastikan :

- i. Model e-kolaboratif oleh Ardil (2007) telah diikuti untuk menggerakkan perbincangan dan penglibatan oleh peserta kajian.
- ii. Data telah diinterpretasikan dan dikategorikan berdasarkan analisa isi kandungan data dan pemerhatian yang dijalankan.

### **Analisis dan Interpretasi Data**

Keputusan daripada analisis isi kandungan dan data pemerhatian serta temu bual diperoleh daripada enam orang mentee yang menjadi peserta kajian. Analisis data akan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Lima peringkat model e-kolaboratif digunakan oleh pengkaji untuk menggalakkan peserta kajian yang terlibat mengambil bahagian lebih aktif dalam menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com. Berdasarkan aktiviti yang dijalankan, pengkaji akan mengumpul data dan menganalisisnya untuk membuat perkaitan.

Pengkaji menggunakan data daripada temu bual yang dijalankan kepada enam orang mentee di luar talian, iaitu secara bersemuka. Pengkaji mencatat segala jawapan yang diberikan oleh mentee berhubung keberkesanan aktiviti yang telah dengan bimbingan mentor. Strategi yang boleh membantu mentor rakan sebaya dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu ialah menggunakan kaedah pembelajaran secara dalam talian. Iaitu menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com sebagai ruang untuk berkolaboratif. Data dari kajian pengkaji dan pemerhatian terhadap aktiviti yang dijalankan secara dalam talian akan digunakan untuk menyokong dapatan kajian ini.

**Peringkat pertama : Persediaan untuk perbincangan e-kolaboratif secara berkumpulan.**

Peringkat pertama melibatkan penentuan kumpulan mentor dan mentee untuk aktiviti menulis karangan secara dalam talian serta memberi galakan kepada setiap pelajar. Pengkaji memperuntukkan banyak masa di sini, untuk mengajar mentor dan mentee cara menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com. Kesemua 34 orang pelajar selesai mendaftar dalam tempoh seminggu dari 2 Februari 2009 hingga 6 Februari 2009.

Sebelum peserta kajian menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com, mereka perlu mendaftar dalam laman portal beralamat di <http://e-learning.smkpap.com>. Pengkaji menggunakan waktu pengajaran Bahasa Melayu untuk memperkenalkan portal e-Learning kepada peserta kajian. Jumlah waktu Bahasa Malaysia ialah enam waktu bersamaan dengan 240 minit. Pelajar digalakkan melibatkan diri dengan pembelajaran secara dalam talian dengan mengumumkan ganjaran markah bonus 10 peratus bagi pelajar yang aktif berkolaboratif dalam talian.

Bagi memudahkan pelajar mendaftar, pengkaji telah menyediakan manual pendaftaran untuk digunakan oleh pelajar semasa latihan. Pengkaji juga melatih 10 orang mentor cara mengendalikan perbincangan menggunakan *wiki*, *chat room*, *email* dan forum dalam Portal e-Learning.smkpap.com. Sesi latihan telah dijalankan dari 26 Januari 2009 hingga 30 Januari 2009 di Pusat Teknologi Maklumat.

Seramai 34 orang pelajar yang terdiri daripada 10 orang mentor dan 24 orang mentee telah mengambil bahagian sebagai peserta kajian. Mereka telah mendaftar dengan jayanya sebagai pelajar dalam Portal e-Learning Bahasa Melayu Tingkatan Dua Bakti. Menurut Berry (2009: 178), tiga perkara yang akan mengukuhkan kepercayaan pembelajaran secara dalam talian ialah (1) menyediakan gambar dan biografi mentor atau fasilitator; (2) menyediakan arahan dan bimbingan yang jelas; (3) berkomunikasi secara tidak formal melalui email. Oleh itu, kejayaan melatih mentor akan membantu pengkaji yang akan bertindak sebagai fasilitator dalam kajian ini. Fokus latihan kepada mentor yang berfokus kepada penggunaan *wiki*, *chat*, *email* dan forum akan memudahkan mereka menjalankan bimbingan kepada mentee secara dalam talian.

#### **Peringkat kedua: Permulaan pembelajaran e-kolaboratif .**

Mentee dan mentor akan berbincang dan menetapkan masa dan cara menyiapkan karangan masing-masing dengan bimbingan mentor. Ruang yang digunakan untuk perbincangan ialah *chat room* dan *email*. Pada masa ini peranan pengkaji adalah sebagai fasilitator yang akan memastikan kelancaran pembelajaran penulisan secara kolaboratif dengan bimbingan mentor rakan sebaya. Mentor akan membahagikan tugas kepada mentee di bawahnya dan cara ia perlu disiapkan.

Langkah yang dilakukan oleh pengkaji untuk memulakan pembelajaran penulisan secara dalam talian ialah seperti berikut :

1. Memberikan tugas penulisan karangan yang pertama kepada pelajar pada 3 Mac 2009.

## 6 Aktiviti Menulis Karangan online **Tarikh Mula : 3 Mac 2009 (Khamis)**

Selamat sejahtera pelajar-pelajar 2 Bakti. Kini cikgu akan ubah pendekatan dengan mengadakan sesi menulis karangan secara atas talian. Cikgu pasti anda sudah pun mempunyai mentor untuk mengendalikan sesi penulisan ini. Sesiapa yang belum mempunyai mentor dan akaun email, sila jumpa cikgu segera.

2.

1. Mentor dan mentee perlu menulis karangan dalam Microsoft Word dan save.
2. Mentee email kepada mentor untuk semakan.
3. **Mentor mesti semak dan email semula kepada mentee dan kepada cikgu.**
4. e-mail cikgu : [rizqmymk77@gmail.com](mailto:rizqmymk77@gmail.com)

### *Rajah 4.* Aktiviti menulis karangan.

Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah penulisan bergabung yang dicadangkan oleh Mahzan Arshad (2008). Melalui kaedah ini, pengkaji menetapkan mentor dan mentee bagi setiap kumpulan. Mentor dan mentee mula menulis karangan menggunakan Microsoft Word. Mentee menghantar email kepada mentor untuk semakan. Untuk memudahkan mentee menghantar email kepada mentor, alamat email mentor dipaparkan oleh pengkaji dalam *wiki*. Berikut adalah contoh pembahagian kumpulan pelajar kelas kajian mengikut kumpulan mentor dan mentee. (Setiap nama bukanlah nama sebenar pelajar). Dalam tugas pertama ini, setiap kumpulan diberikan soalan karangan yang berbeza.

Pengkaji sentiasa memantau aktiviti yang dijalankan oleh mentor dan mentee dalam penulisan karangan. Setiap aktiviti yang ditulis dalam *wiki* akan dibaca dan pengkaji memberi maklum balas dalam bentuk pujian atau penegasan yang sesuai kepada mentor dan mentee. Pengkaji mendapati pujian yang sesuai akan menambahkan motivasi pelajar untuk berusaha menyiapkan karangan secara dalam talian. Hal ini terbukti apabila pengkaji membandingkan beberapa kumpulan mentor di dalam kelas, iaitu secara di luar talian. Apabila pujian dan tepukan tangan diberikan kepada mentor dan mentee yang aktif berbincang dalam talian, kumpulan mentor dan mentee dari kumpulan lain berasa tercabar dan akan meningkatkan usaha untuk menyiapkan penulisan karangan.

Dapatan pada peringkat ini juga mendapati ada kumpulan mentor dan mentee yang tidak menjalankan penulisan secara dalam talian pada peringkat awal. Pengkaji mengambil beberapa langkah menggalakkan penglibatan kumpulan ini, iaitu:- a) menulis komen dalam ruang *wiki* kumpulan berkenaan meminta mereka menyiapkan tugas dan saling berbincang, b) berjumpa dengan mentor dan mentee bertanya tentang masalah yang dihadapi, c) memberi bimbingan berterusan kepada mentor agar dapat mengendalikan bimbingan penulisan, d) membimbing mentee agar meneruskan penulisan dan mendapatkan bimbingan dari mentor.

### **Peringkat ketiga : Pembelajaran bersama secara e-kolaboratif**

Setiap ahli kumpulan akan berhubung melalui *email* dan menggunakan portal e-learning untuk perbincangan menulis karangan. Komunikasi di antara

pelajar dalam setiap perjumpaan sama ada dalam talian atau di luar talian adalah penting. Mereka boleh bertukar nombor telefon dan alamat email untuk berhubung (Ardil, 2007). Mentor akan membimbing mentee dan berbincang tentang soalan karangan menggunakan *wiki*.

saya akan memberikan tunjuk ajar pada anda kalau anda tidak faham...  
tajuk kita tentang jasa guru...  
kamu boleh buat 3 perenggan...  
mula-mula mesti kena pendahuluan di ikuti dengan isi-isi penting dan akhir sekali penutup.  
kalau ada masalah bagitau dengan saya...  
~mia~

Saya setuju dengan cadangan mentor. Pendahuluan kita boleh buat 2 ayat. BAWANI (Mentee)

Saya juga setuju dengan cadangan mentor saya dan bawani.. Isi penting kita boleh buat 3 ayat. KARTHINI (Mentee)

Saya setuju dengan cadangan karthini. kita juga boleh buat penutup dengan menggunakan 2 ayat. HUE SUET EARN (Mentee)

**perbincangan**

ok,sekarang saya nak kamu semua e-mail kan pada saya isi-isi penting..

saya punya e-mail [myra\\_gurlz14@yahoo.com](mailto:myra_gurlz14@yahoo.com)  
ade apa-apa masalah...  
jangan segan silu sila lah jumpa dengan saya..  
ok...  
~mia~

**Mentor dan Mentee sila email kepada cikgu draf isi penting yang telah dibincangkan..sebelum 17/4/2009 (Jumaat)**

**MYMK**

kawan-kawan ape kata..kawan-kawan buat pendahuluan menggunakan ayat contoh seperti ini  
**Hari Guru disambut setiap tahun.guru amat penting pada kita untuk memberikan ilmu kepada kita.**  
saya nak kawan-kawan hantar isi penting kepada saya secepat mungkin kalau ada apa-apa sila lah bagitahu dengan saya.  
~mira~

*Rajah 5.* Proses perbincangan mentor dan mentee dalam talian menggunakan wiki

### **Peringkat ke empat : Perancangan hasil penulisan**

Mentor perlu memastikan setiap mentee menyiapkan penulisan karangan berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan. Karangan yang ditulis akan dibaca oleh setiap ahli kumpulan untuk pembetulan.

kawan-kawan ape kata..kawan-kawan buat pendahuluan menggunakan ayat contoh seperti ini  
**Hari Guru disambut setiap tahun.guru amat penting pada kita untuk memberikan ilmu kepada kita.**  
saya nak kawan-kawan hantar isi penting kepada saya secepat mungkin kalau ada apa-apa sila lah bagitahu dengan saya.  
~mira~

kita boleh menambah ayat kita dengan menggunakan peribahasa,simpulan bahasa dan sebagainya. BAWANI(MENTEE)

Ya saya setuju dengan cadangan bawani.. pada masa yang sama,kita juga harus memilih peribahasa dan simpulan bahasa yang sesuai..KARTHINI(MENTEE)

**pendahuluan**

- ilmu tidak boleh membeli dengan wang ringgit
- ~sangat berharga
- disambut setiap tahun pada 16 mei
- ~untuk mengenang jasa guru

**isi-isi penting**

- 1.mem berikan ilmu
- ~mengajar dengan penuh kesabaran
- 2.mendisiplinkan tingkah laku pelajar-membentuk jiwa pelajar kearah keperibadian yang sempurna..sebagai cahaya dalam kehidupan
- ~memberi banyak tunjuk ajar pada kita
- 3.berperanan sebagai ibubapa di sekolah
- ~sentiasa mengambil berat akan masalah dan kesihatan pelajar

**penutup**

jasa seseorang guru tidak ternilai-penggorbanan yang tidak ternilai

*Rajah 6.* Proses perbincangan mentor dan mentee tentang penulisan karangan



### **Peringkat kelima : Pengakhiran pembelajaran e-kolaboratif**

Perbincangan secara talian akan ditamatkan setelah setiap ahli kumpulan berpuas hati dengan hasil penulisan karangan mereka. Contoh kumpulan mentor dan mentee yang berjaya menyiapkan perbincangan dan penulisan karangan dalam *wiki* adalah seperti Rajah 7.

Jasa Guru

Hari Guru jatuh pada 16hb Mei tiap-tiap tahun. Pada hari itu khas untuk murid-murid memberi penghargaan kepada guru-guru, kerana guru telah memberikan ilmu pengetahuan kepada kita.

Guru memikul tanggungjawab untuk mendisiplinkan pelajar di sekolah. Mereka sentiasa memastikan pelajar mereka belajar dengan tekun, mengikut peraturan sekolah dan berkelakuan baik.

Guru ialah orang yang menyampaikan pengetahuan yang berguna kepada kita. Orang ramai sedar bahawa mendidik bukan satu kerja yang mudah, namun guru tetap menyahut cabaran ini. Guru juga berperanan membentuk sahsiah yang baik di kalangan pelajar selain memberi penjelasan pelajaran yang formal. Kebanyakan guru berpegang kepada falsafah memimpin melalui teladan. Mereka berpakaian kemas dan menunjukkan sahsiah yang baik bukan sahaja di sekolah, malah di kalangan anggota masyarakat yang lain.

Guru sering diibaratkan bagai lilin yang membakar diri dan menyinari orang lain. Peribahasa yang sedemikian jelas menunjukkan betapa besarnya peranan guru dalam menyampaikan ilmu. Kita harus belajar dengan bersungguh-sungguh untuk membalas jasa kepada guru.

Hue Suet Ern (mentee)

**Rajah 7.** Penulisan karangan yang berjaya disiapkan oleh mentee dengan bimbingan mentor.

Mentor dan mentee juga telah menghantar email kepada pengkaji selaku fasilitator dalam pembelajaran penulisan secara talian. Pengkaji mendapati kebanyakan karangan pada peringkat ini telah mantap iaitu kurang kesalahan ejaan, tatabahasa, menyelitkan ungkapan menarik dan betul dari aspek struktur ayat. Terdapat juga karangan yang masih mengandungi kesalahan yang ketara. Pengkaji telah menyemak dan meminta mentee membuat pembetulan seterusnya berbincang dengan mentor sebelum semakan akhir.

Berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan oleh mentor dan mentee tentang penulisan karangan secara talian, pengkaji mendapati tahap penulisan pelajar semakin baik. Pelajar (mentee) yang agak pasif di dalam kelas telah menunjukkan hasil karangan yang lebih baik. Pelajar juga mampu menyiapkan karangan pada masa yang telah ditetapkan.

Pengkaji mendapati kaedah penulisan karangan seperti yang dicadangkan oleh Mahzan Arshad (2008) sesuai dilaksanakan tetapi dengan menggunakan teknologi iaitu Portal e-Learning.smkpap.com. Melalui penggunaan *tools* yang tersedia dalam *Moodle* iaitu perisian yang dipasang dalam *server* sekolah smkpap.com, aktiviti pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan menjadi lebih menarik dan interaktif. Guru-guru juga boleh memainkan peranan sebagai fasilitator yang berkesan sama ada di sekolah mahupun secara talian. Segala aktiviti pelajar dalam Portal e-Learning dapat dipantau dan penilaian dapat dibuat dengan berkesan.

Analisis dibuat berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas enam orang mentee yang telah melalui sesi bimbingan penulisan karangan bersama mentor rakan sebaya. Temu bual berkenaan telah ditranskripsikan dalam bentuk data untuk

melihat adakah mentor memainkan peranan yang berkesan dalam penulisan karangan.

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, pengkaji menyenaraikan sembilan soalan utama untuk dianalisis yang berkaitan dengan penulisan karangan secara dalam talian dan peranan mentor rakan sebaya.

Enam orang mentee yang ditemu bual, kesemuanya menyatakan mereka kerap membuka Laman Portal e-Learning.smkpap.com untuk mendapatkan soalan dan maklumat terkini yang dimuat naik oleh guru.

*“Biasanya saya guna portal e-learning untuk jawab soalan Bahasa Melayu. Pelajar lain biasanya buat kerja dalam buku karangan, tapi saya lebih mahir buat dekat Portal e-Learning.” (PK3/82)*

Namun begitu, terdapat juga mentee yang mengatakan bahawa apabila menggunakan Portal e-Learning, tahap ict mereka turut meningkat.

*“Apabila menggunakan portal e-learning, saya dapat meningkatkan tahap ICT dan meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dan subjek lain.” (PK4/81)*

Berdasarkan jawapan mentee, adalah jelas pelajar telah menggunakan Portal e-Learning yang dibangunkan oleh pengkaji untuk meningkatkan pembelajaran penulisan secara dalam talian. Mentee juga menyatakan mereka akan berbincang dengan mentor jika menghadapi kesukaran sewaktu menjawab soalan karangan. Mentee yang lain memberikan jawapan yang ringkas iaitu untuk mengikuti pembelajaran penulisan karangan yang ditugaskan oleh guru secara dalam talian.

Pengkaji mengemukakan soalan tentang cara mentee menjawab latihan dalam Portal e-learning untuk mengetahui apakah alat yang digunakan oleh mentee untuk menjawab soalan penulisan karangan. Pengkaji telah memuat naik soalan karangan Bahasa Melayu dalam Portal e-Learning sebelum sesi pengajaran berlangsung. Soalan berkenaan perlu dijawab oleh setiap pelajar secara atas talian dan menghantar email kepada mentor untuk semakan pertama. Setelah disemak oleh mentor dan dibuat pembetulan, mentee akan menghantar email kepada guru untuk semakan akhir. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh mentee, didapati mentee menggunakan kaedah yang hampir sama untuk menjawab soalan daripada Portal e-Learning.

*“Mula saya buka portal e-learning, cari soalan Bahasa Malaysia, copy dan paste dalam Microsoft Word. Saya jawab soalan dalam Microsoft word dan email kepada mentor untuk semakan.” (PK4/81)*

*“Mula buka e-learning, lepas itu cari soalan-soalan tu. buka dan pergi ke Microsoft Word. Buat karangan dalam Microsoft Word kemudian paste dalam ruang kerja dalam talian dan klik save. Saya juga menghantar email kepada mentor dan kepada cikgu.” (PK2/75)*

Pengkaji mendapati peserta kajian telah menggunakan Portal e-Learning sepenuhnya untuk mendapatkan maklumat tentang soalan penulisan karangan. Mentee juga berusaha menyiapkan karangan menggunakan Microsoft Word dan

membincangkannya bersama mentor melalui *email* dan menggunakan *wiki* dalam Portal e-Learning.

Pengkaji mendapati mentor telah memainkan peranan sebagai mentor yang berkesan secara dalam talian. Mentor juga didapati berjaya membimbing mentee dalam penulisan dan memberikan komen terhadap kesalahan yang dilakukan oleh mentee seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian 4. Kesemua mentee yang ditemu bual memaklumkan mereka seronok dengan aktiviti penulisan karangan secara dalam talian. Keseronokan yang dinyatakan oleh mentee akan menggalakkan mereka untuk terus menjawab latihan penulisan karangan hingga selesai.

Pengkaji mendapati mentee bersetuju dengan penggunaan komputer dan Internet lebih berkesan kepada mereka berbanding dengan penulisan menggunakan buku karangan. Namun begitu, terdapat juga mentee yang berpendapat menggunakan buku lebih berkesan kepada mereka. Hal ini disebabkan ketiadaan komputer dan Internet di rumah mentee. Masalah ini boleh di atasi jika mentee datang ke sekolah lebih awal untuk melayari Portal e-Learning sekolah dengan menggunakan kemudahan komputer sekolah.

Walaupun tidak semua mentee yang ditemu bual berpendapat penggunaan Portal e-Learning berkesan sebagai ruang untuk penulisan karangan, pengkaji berpuas hati kerana mentee masih lagi menyiapkan karangan berkenaan di dalam buku latihan. Kerana soalan dan notanya perlu dimuat turun dari Portal e-Learning sekolah. Mentee juga telah mendapatkan bimbingan daripada mentor berkaitan ejaan dan isi karangan mereka.

Dapatan kajian menunjukkan mentor telah memainkan peranannya membimbing mentee dalam penulisan karangan. Kesiediaan mentor untuk memberikan bimbingan membuktikan peranan mereka dalam pembelajaran penulisan karangan.

Pengkaji mendapati mentee telah berbincang secara aktif dengan mentor mereka sama ada secara dalam talian atau di luar talian iaitu di sekolah. Perbincangan yang kerap di antara mentor dan mentee tentang penulisan karangan akan menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti iaitu kurang mengandungi kesalahan ejaan, struktur ayat dan isi-isi yang mencukupi.

Maklum balas yang diberikan oleh mentee menguatkan pendapat pengkaji bahawa mentor telah memainkan peranan membantu mentee dalam penulisan karangan. Perkara ini telah dinyatakan oleh mentee (PK1/73).

*“Pernah, ada hari tu masa cikgu bagi ringkasan hari last tu, saya dah tak dapat cari isi penting. Mentor bantu saya bagi isi.” (PK1/73)*

Kesemua mentee menunjukkan minatnya terhadap aktiviti penulisan karangan dengan bimbingan mentor secara dalam talian. Bimbingan yang berkesan daripada mentor telah menarik minat mereka terhadap karangan dan berjaya menyiapkan latihan yang diberikan oleh pengkaji.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji telah memetik satu soalan temu bual yang ditanya dalam bentuk pilihan beberapa jawapan dan membuat analisis seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2  
*Respons mentee*

Kategori	Respons oleh Mentee					
	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6
Mendengar dan memahami	√	√	√	√	√	√
Memberi dorongan penulisan	√		√	√		√
Melatih penulisan karangan	√	√	√	√	√	√
Membina keyakinan diri		√		√	√	
Membimbing melalui contoh	√	√	√	√	√	√
Bijak memberi kaunseling			√		√	

PK = Peserta Kajian

Berdasarkan hasil analisis di atas adalah jelas terbukti mentor berjaya memainkan peranan sebagai mentor rakan sebaya dalam pembelajaran penulisan secara dalam talian.

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, pengkaji membuat analisis bilangan penglibatan mentee dalam pembelajaran penulisan secara dalam talian dengan bimbingan mentor rakan sebaya seperti Jadual 3.

Jadual 3  
*Ringkasan Analisis Temu Bual Mentee*

Soalan	Tahap Penglibatan Mentee		
	Terlibat Aktif	Sederhana Aktif	Tidak Aktif
1. Tujuan menggunakan portal e-learning	5	1	-
2. Cara mentee menjawab latihan dalam portal e-learning	4	2	-
3. Keseronokan belajar penulisan karangan dengan bimbingan mentor secara dalam talian	6	-	-
4. Penulisan karangan secara dalam talian atau penulisan menggunakan buku karangan	4	1	1
5. Ke kerapannya berjumpa dengan mentor berkaitan penulisan karangan	4	1	1
6. Soalan yang dibincangkan dengan mentor	5	1	-
7. Bantuan mentor dalam semakan ejaan, cari isi penting dan sebagainya.	5	1	-
8. Pendapat mentee tentang pembelajaran penulisan karangan secara dalam talian dengan bimbingan mentor.	6	-	-
9. Keberkesanan pembelajaran penulisan secara dalam talian dengan bimbingan mentor	6	-	-
Jumlah	45	7	2

Dapatlah dirumuskan bahawa mentor telah memainkan peranannya dalam pembelajaran penulisan secara dalam talian. Mentor-mentor yang dipilih telah berjaya membimbing mentee hingga berlaku perubahan sikap dan minat dalam kalangan mentee terhadap penulisan karangan. Dapatan kajian adalah berdasarkan penglibatan pelajar dalam ruang Portal e-Learning.smkpap.com serta data temu bual yang dijalankan ke atas enam orang mentee. Analisis data menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menunjukkan minat dengan aktiviti penulisan karangan secara dalam talian. Terdapat sesetengah pelajar yang menyatakan bahawa tahap penulisan karangan mereka semakin baik iaitu mampu mencari isi karangan, mengembangkan ayat dan memasukkan penanda wacana dalam ayat di tempat yang sesuai. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar-pelajar yang kerap berhubung dengan mentor akan menulis karangan dengan baik.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan dapatan kajian didapati pelajar telah terdedah dengan penggunaan Internet kerana mereka masing-masing mempunyai akaun *email* dan menyertai laman sesawang untuk bersosial seperti *facebook*, *friendster* dan *my space*. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa aktiviti pembelajaran secara dalam talian seperti penulisan karangan dengan bimbingan mentor, harus diperluaskan kepada setiap pelajar dalam sekolah kajian dan perlu dipantau oleh guru mata pelajaran berkenaan bagi memastikan pelajar iaitu mentor dan mentee tidak hilang arah semasa perbincangan dalam talian. Peranan guru sebagai fasilitator dalam talian perlu dipertingkatkan agar pelajar mudah membuat rujukan sekiranya mereka tidak menemui jawapan yang tepat bagi sesuatu masalah, walaupun setelah berbincang dengan mentor rakan sebaya.

Dapat dirumuskan bahawa pelajar telah berjaya menghasilkan karangan yang berkualiti. Karangan mereka lancar, berkesinambungan, jelas dan bersistematik. Pelajar telah berjaya mengembangkan isi ke tahap maksimum setelah menjalani pembelajaran penulisan dengan bimbingan mentor rakan sebaya. Pembelajaran penulisan secara dalam talian telah membina kemahiran menulis yang berkualiti di samping mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam mencari isi, menghurai dan menyusun perenggan supaya lebih mantap. Selain meningkatkan pencapaian penulisan karangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, pelajar didapati saling bekerjasama, tolong-menolong apabila sesuatu tugas diberikan. Dapat juga dilihat, pelajar bersungguh-sungguh dalam memainkan peranan mereka untuk menyiapkan tugas yang diberikan. Pengkaji mendapati, pelajar sebenarnya mempunyai kebolehan memimpin yang dapat dilihat melalui peranan mentor rakan sebaya dalam penulisan karangan. Mentor rakan sebaya cuba memberikan keyakinan yang tinggi kepada setiap mentee di bawahnya dengan memberi bimbingan penulisan secara dalam talian mahupun di luar talian. Fokus mentor pula adalah memberi motivasi supaya mentee berubah, menjana minda bersemangat dalam membina semangat juang yang penting dalam kehidupan (Salhah & Ainon, 2007).

Selain itu, pengkaji mendapati kajian ini mendapat kerjasama sepenuhnya daripada peserta kajian iaitu pelajar yang menjadi mentor dan mentee. Hal ini kerana pengkaji adalah guru yang mengajar pelajaran Bahasa Melayu di kelas kajian. Semua aktiviti yang dirancang oleh pengkaji dapat dijalankan di dalam kelas dan jika aktiviti berkenaan tidak sempat dihabiskan ia akan dimuat naik ke dalam Portal e-learning.smkpap.com. Contohnya kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan mentor tertentu dalam *wiki* dapat ditunjukkan kepada rakan pelajar yang lain menggunakan LCD projektor yang dipancarkan pada layar putih di Pusat Teknologi Maklumat. Oleh itu, mentor dan mentee dari kumpulan lain tidak akan

mengulangi kesilapan seperti ejaan, struktur ayat dan format karangan yang telah dilakukan. Satu sistem ganjaran berupa penghargaan lisan, gred, pengiktirafan dan hadiah turut dijalankan di dalam kelas harian. Ada masanya, guru juga akan memberi pujian di dalam kelas kepada mentor dan mentee yang aktif dalam penulisan secara dalam talian.

Dapatan kajian menunjukkan mentee berpuas hati dengan bimbingan yang telah diberikan oleh mentor rakan sebaya. Justeru, pengkaji bersetuju mentor telah berjaya menjalankan peranannya sebagai mentor rakan sebaya dalam pembelajaran penulisan secara dalam talian. Mentor juga boleh dirujuk pada bila-bila masa apabila mentee tidak faham. Apabila mentee seronok menjalani sesi pembelajaran bersama mentor, mereka dapat menyiapkan penulisan karangan dan seterusnya meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan.

Seterusnya, pengkaji mendapati mentor telah membantu mentee dalam mengenal pasti isi-isi penting, menyemak ejaan serta struktur ayat. Peserta kajian 1 menyatakan bahawa mentor kerap membantu jika dia tidak dapat mencari isi yang tepat untuk menulis sesuatu karangan. Peserta kajian 3 juga menyatakan bahawa mentor kerap membantunya tetapi secara luar talian iaitu di sekolah. Sikap mentor yang rajin membantu ini jelas menunjukkan kejayaan pengkaji dalam membimbing mentor untuk menjadi mentor yang efektif secara dalam talian atau di luar talian.

#### **Implikasi Kajian**

Kajian ini dijalankan berasaskan kerangka teori bagi melihat keberkesanan kaedah pembelajaran penulisan Bahasa Melayu secara dalam talian dengan bimbingan mentor rakan sebaya di sebuah sekolah menengah. Jika dilihat daripada perspektif pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan di sekolah dan selepas pelajar melalui bimbingan secara dalam talian, kesimpulan ini seharusnya dapat menyatakan beberapa implikasi seperti berikut:-

- i. Teknik pembelajaran penulisan secara dalam talian dengan bimbingan mentor rakan sebaya seharusnya digunakan oleh para guru dalam pengajaran penulisan karangan kerana teknik ini dapat meningkatkan minat dan kualiti karangan pelajar. Teknik ini juga dapat membantu para pelajar memahami cara penulisan karangan dan cara melahirkan idea dan maklumat dengan teratur dan kemas.
- ii. Pemantauan memainkan peranan yang penting jika para guru ingin melihat kesan teknik pengajaran secara dalam talian. Penggunaan wiki didapati membantu mengatasi kekurangan yang dihadapi oleh para guru untuk memantau aktiviti penulisan pelajar. Kaedah penulisan bergabung menurut Mahzan Arshad (2008), sesuai dilaksanakan dengan pendekatan secara dalam talian.
- iii. Untuk menentukan keberkesanan kaedah ini, para guru harus memperuntukkan masa yang sesuai untuk mendedahkan teknik pembelajaran dalam talian kepada para pelajar. Guru juga perlu sentiasa menilai hasil karangan pelajar untuk menentukan keupayaan para pelajar.
- iv. Kajian pembelajaran penulisan secara dalam talian dengan bimbingan mentor yang dijalankan ini juga bertepatan dengan suasana masa kini. Seiring dengan perkembangan teknologi dan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pengajaran Bahasa Melayu merentas kurikulum, penggunaan kaedah dalam talian perlu digunakan oleh warga pendidik hari ini.

Bagi merumuskan dapatan kajian di atas, penyertaan seluruh warga sekolah dalam persekitaran pembelajaran dalam talian iaitu dengan menggunakan Portal e-Learning.smkpap.com dilihat mampu membawa dimensi baru dalam pembelajaran penulisan karangan. Melalui penggunaan laman Portal e-Learning.smkpap.com ini guru-guru dan pelajar bukan sahaja dapat berkongsi idea dan ilmu pengetahuan, malah dapat dimanfaatkan oleh ibu bapa pelajar dengan melihat aktiviti yang dilakukan oleh anak mereka dalam talian.

## Rujukan

- Ardil, C. (2007). "e-Collaborative Learning Circles." *International Journal of Human and Social Sciences*. Dimuat turun daripada <http://www.waset.org/journals/ijhss/v1/v1-4-31.pdf>
- Blake, K. R. (2000). Using the World Wide Web to Teach News Writing Online. *ProQuest Education Journals*.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research* (3rd ed.). Pearson.
- Chin Hai Leng. (2009). *Pembangunan dan Penilaian Laman Portal Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Tingkatan Dua*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Jamaludin Haji Badusah dan Mohamed Amin Embi (2006). "Keberkesanan Penggunaan Buku Elektronik : Penulisan Karangan Berbentuk Deskriptif." *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*. Dimuat turun daripada [http://pkukmweb.ukm.my/~jitm/pdf\\_text/04-Jamaludin.pdf](http://pkukmweb.ukm.my/~jitm/pdf_text/04-Jamaludin.pdf)
- Jamaludin Badusah, dan Hashimah Haji Hashim. (2005). "Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan." Dimuat turun daripada <http://www.maele.net/articles/ekom2005/Paper/Jamaluddin%20UKM.pdf>
- Khadzajah Ahmad. (2005). *Keberkesanan pembelajaran koperatif dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu*. Kertas Projek yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahzan Arshad. (2003). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Suatu pendidikan bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mahzan Arshad (2004). Kajian Terhadap Minat Membaca dalam Kalangan Pendidik. Dimuat turun daripada <http://myais.fsktm.um.edu.my/5206/1/5.pdf>
- Mahzan Arshad (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors.
- Mashitah Zainuddin. (2005). *Keberkesanan penggunaan teknik pembelajaran berkoperatif dalam penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan . Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- McKenzie, C. O., Layton (2005). *Tips for Administrators in Promoting Distance Programs Using Peer Mentoring*.
- Murali Raman. (2006, 13 Januari 2009). "Wiki Technology as A Free Collaborative Tool Within an Organizational Setting." Dimuat turun Daripada <http://kiwiviki.org.nz/pmwiki/uploads/Technology/Software/Wiki%20technology%20as%20a%20collaborative%20tool.pdf>
- Nakagawa, G. (1999). "Developing a Mentoring Perspective." Dirujuk pada 13 Mac 2009, dimuat turun pada 18 November 2009 daripada <http://www.csun.edu/eop/htdocs/peermentoring.pdf>
- Raja Maznah Raja Hussein. (2005). *Pedagogi merentas kurikulum: Teori dan konsep teknologi instruksional: Isu dan cabaran*. Kuala Lumpur, PTS Professional.
- Salhah Abdullah dan Ainon Mohd (2007). *Mentor efektif*. Kuala Lumpur, PTS Professional.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind and society*. Cambridge, MA: Cambridge University Press.